



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 2, February 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:

[www.msocsciences.com](http://www.msocsciences.com)

### Minat Murid Terhadap Gaya, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru dalam Pendidikan Sejarah

Muhammad Zulfiqar Bin Mat Lui<sup>1</sup>, Anuar Ahmad<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Correspondence: Muhammad Zulfiqar Bin Mat Lui ([zulfiqarmuhammad1992@gmail.com](mailto:zulfiqarmuhammad1992@gmail.com))

#### Abstrak

Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap minat murid dalam gaya pengajaran dan juga kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dalam pendidikan sejarah. Kajian tinjauan ini dengan pendekatan kuantitatif ini melibatkan seramai 100 orang murid dalam Daerah Kuantan. Borang soal selidik dalam bentuk Google Form digunakan untuk mendapat data atau maklumat yang berkaitan dengan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Maklumat data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Version 22.0 (*Statistical For Social Science*). Hasil dapatan kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang merangkumi taburan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai serta analisis inferensi yang menggunakan ujian t-tidak bersandar untuk melihat perbezaan minat terhadap gaya pengajaran dan pembelajaran guru berdasarkan jantina. Dapatan kajian mendapati kaedah penggunaan buku teks mempunyai frekuensi dan peratusan yang tertinggi dan penggunaan bahan bantu mengajar seperti animasi, animasi bercetak, drama dan filem mendapat frekuensi dan peratusan yang terendah. Begitu juga dengan gaya pengajaran dan pembelajaran guru yang diminati oleh murid. Dapatan mendapati murid berminat apabila guru memberikan latihan yang sesuai dengan tahap dan kemahiran mereka dalam subjek sejarah. Dapatan untuk analisis inferensi iaitu ujian T-Tidak bersandar mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya pengajaran dan pembelajaran guru dalam pendidikan sejarah yang diminati murid berdasarkan jantina. Ini bermakna kaedah pengajaran dan pembelajaran guru masih lagi menggunakan buku teks sebagai kaedah pengajaran utama tetapi disertakan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai alat bantu mengajar. Gaya pengajaran dan pembelajaran juga ialah guru menyediakan soalan yang sesuai dengan tahap dan pencapaian pelajar dalam pendidikan sejarah.

**Kata kunci:** kaedah pengajaran dan pembelajaran, gaya pengajaran dan pembelajaran, minat murid, pedagogi

### The Level of Interest of Students in Teaching Style, Teaching and Learning Methods of Teachers in History Education

#### Abstract

This study was conducted to see the level of interest of students in teaching style as well as teaching and learning methods of teachers in history education. This survey study with this quantitative approach involves a total of 100 students in Kuantan District. Questionnaire in the form of Google Forms are used to obtain data or information related to the information related to the study. The data information obtained was analyzed using SPSS Version 22.0 (*Statistical For Social Science*) software. The results of this study were analyzed using descriptive statistics that include frequency distribution,

percentage, mean and standard deviation as well as inference analysis using t-independent test to see differences in interest in teaching and learning styles of teachers based on gender. The findings of the study found that the method of using textbooks has the highest frequency and percentage and the use of teaching aids such as animation, printed animation, drama and film has the lowest frequency and percentage. The same goes for the teaching and learning style of teachers that students are interested in. The findings found that students were interested when teachers provided training appropriate to their level and skills in the subject of history. Findings for the inference analysis of the T-Independent test found that there are significant differences in teaching and learning styles of teachers in history education that students are interested in based on gender. This means that teachers' teaching and learning methods still use textbooks as the main teaching method but are accompanied by the use of information and communication technology as teaching aids. The teaching and learning style is also that teachers provide questions that are appropriate to the level and achievement of students in history education.

**Keywords:** teaching and learning methods, teaching and learning styles, student interests, pedagogy

---

## Pengenalan

Sejarah merupakan satu bidang ilmu yang bersifat kronologi dan merupakan satu cara untuk memahami latar masa (Kochhar, 2010). Menurut Colingwood (1985) sejarah merupakan satu bentuk pemerhatian ataupun sebuah inkuiri. Rowse (2014) pula mendefinisikan Sejarah sebagai satu catatan kehidupan manusia dalam sebuah masyarakat yang berada dalam lingkungan geografi dan juga fizikal mereka. Sejarah bukan sahaja mempelajari tentang latar masa sesuatu peristiwa tetapi ia juga membentuk sikap dalam sosial seperti yang dikatakan oleh Susanto (2014).

Konteks dalam pendidikan pula menyatakan Sejarah merupakan satu cara untuk membentuk sikap sosial yang positif dalam diri masing-masing seperti sikap saling menghormati dan sikap toleransi terhadap perbezaan. Perkara ini penting agar semua dapat menjalani kehidupan dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum. Selain itu, pendidikan sejarah juga dapat membentuk watak, sikap dan perkembangan hidup bangsa yang berjaya (Sapriya, 2012). Ahli sejarah bertanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran sejarah dalam diri masyarakat (Soejatmoko 1983). Pembelajaran sejarah dapat menimbulkan semangat dalam diri para murid agar nilai-nilai keadilan dan kemanusiaan dapat dipupuk serta dijadikan sebagai kehidupan (Zahro et al., 2017).

Kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran penting untuk perkembangan sikap yang positif dalam subjek Sejarah (Talib et al., 2016). Selain penggunaan buku teks, penggunaan multimedia ICT, aplikasi pembelajaran juga boleh berfungsi sebagai bahan ulang kaji dan dapat membantu murid mengingat kembali apa yang telah dipelajari di dalam kelas (Zirawaga, 2017). Menurut Mok (1992), kaedah pengajaran ialah cara untuk mendekati objektif pengajaran dengan langkah penyampaian yang tersusun. Terdapat tujuh kaedah pengajaran yang digunakan iaitu kaedah tunjuk cara, kaedah amali, kaedah projek, kaedah simulasi, kaedah syarahan, kaedah latih tubi dan kaedah perbincangan. Namun pada abad ke-21 ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran guru diselitkan elemen teknologi maklumat dan komunikasi untuk memudahkan cara pembelajaran para pelajar.

. Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada sifat dan gaya yang digunakan oleh guru dalam kelas. Kejayaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada murid yang dididik oleh guru (Dunkin & Biddle, 1974). Adab dan gaya penyampaian guru memberikan kesan kepada minat murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, penyampaian ilmu oleh guru yang penuh dengan kasih sayang dan kesabaran memudahkan lagi penerimaan murid (Ab. Halim et al., 2004). Begitu juga dengan penampilan guru di dalam kelas seperti kebersihan diri, pemakaian pakaian yang kemas dan bersih (al-Bukhari, 1987). Ali Murad (2003) menyatakan tentang perwatakan dan gaya penyampaian guru seperti kasih sayang, saling menasihati, tunjuk ajar,

memberikan motivasi dan menggalakkan murid memberikan idea di dalam kelas juga dapat memberikan kesan yang positif pada minat pelajar.

## Pernyataan Masalah

Masalah berkaitan dengan minat murid terhadap keadah pengajaran dan gaya penyampaian guru dalam pendidikan sejarah merupakan perkara yang dibincangkan dalam kajian ini. Cabaran dan halangan yang dialami dalam pendidikan sejarah ialah pembelajaran di sekolah lebih berpusatkan guru berbanding dengan murid (Jaafar & Noor, 2016, Kezar et al., 2006). Penekanan kepada kaedah yang menghafal fakta dan interaksi sehalu akan menyebabkan sejarah dilihat sebagai *the dead man of curriculum* (Ahmad et al., 2009). Lorig et al. (2003) menyatakan bahawa sejarah menjadi satu subjek yang sukar untuk dipelajari dan salah satu subjek yang tidak digemari oleh para murid.

Subjek sejarah selalunya dikaitkan dengan amalan penghafalan fakta (Maarof et al., 2020) dan pelajar memerlukan ketekunan yang tinggi dalam membaca serta menghafal fakta yang ada dalam buku teks sejarah. Tambahan pula dengan pembelajaran yang berpusatkan guru menyebabkan murid menjadi bosan di dalam kelas. Oleh itu, guru perlu memainkan peranan yang penting untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya pembelajaran menjadi lebih menarik dan tidak membosankan (Ahmad & Nelson, 2015).

Para murid apabila berada di dalam kelas, mereka tidak memahami cara pembelajaran yang betul, gaya penulisan dan kaedah menjawab soalan subjek sejarah dengan betul. Pergantungan kepada buku teks serta pendekatan secara tradisional iaitu *chalk and talk* masih lagi diamalkan oleh kebanyakan guru dan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas yang berpusatkan guru berbanding dengan pelajar (Siti Hawa, 2008). Oleh itu, cara pengajaran ini menyumbang kepada masalah sikap dan minat pelajar dalam subjek sejarah (Lorig, 2003). Kepelbagaian kaedah mengajar diperlukan bagi menarik minat murid untuk mempelajari subjek Sejarah dengan lebih mendalam (Syazwani et al., 2016).

Masalah berkaitan dengan pembelajaran Sejarah dalam kelas bermula dengan kebanyakan guru sejarah kurang berdedikasi dan berusaha untuk menggali serta mengkaji sumber-sumber Sejarah (Jaafar dan Noor, 2017). Kumalasari (2005) juga menyatakan dedikasi yang kurang menyebabkan kredibiliti guru sejarah menjadi rendah dan objektif pengajaran sejarah terhalang. Guru yang kurang kompeten dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kelas juga merupakan masalah yang di alami oleh para murid dalam pendidikan Sejarah (Abdullah, 2016).

Pengaplikasian teknologi maklumat dan komunikasi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu cara untuk menarik minat murid dalam subjek sejarah (Harun & Zaidatun, 2003). Masalah kurangnya penggunaan teknologi sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada beberapa faktor seperti faktor masa, sikap dan kemahiran yang dimiliki oleh guru tersebut (Hassan & Kamisan, 2008)

Oleh itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dalam pendidikan sejarah membantu kepada perkembangan minat murid. Keberkesanan proses pembelajaran bergantung kepada kaedah yang digunakan oleh guru bagi mencorakkan kecemerlangan dalam subjek sejarah. Kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran boleh menjadi pemangkin kepada perkembangan positif sikap dan minat murid dalam subjek sejarah yang dikatakan sebagai subjek yang membosankan (Lezah, 2018).

Terdapat kajian-kajian yang menekankan aspek jantina dalam pengajaran dan pembelajaran. Faktor jantina menjadi penyokong kepada keberkesanan dalam proses pembelajaran dalam kelas di mana adakah murid lelaki atau perempuan lebih mudah menerima input berdasarkan pendekatan pemprosesan maklumat dan persekitaran pembelajaran (Curry, 1983). Pengaruh persekitaran menjadi rangsangan kepada proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan rangsangan fisiologikal seperti visual, auditori, kinestetik dan taktil (Reid, 1985). Oleh itu, gaya dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru memerlukan satu kajian yang lengkap untuk mencari perbezaan antara penerimaan murid berdasarkan jantina.

Kajian ini dirangka adalah untuk melihat persepsi murid terhadap kaedah serta gaya pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru sejarah. Pengkaji ingin mengenal pasti kaedah yang kerap kali digunakan oleh guru dan juga gaya guru berdasarkan ciri demografi yang telah ditetapkan iaitu jantina murid. Oleh itu, tiga objektif telah dirangka untuk kajian ini.

- i. Mengetahui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru sejarah berdasarkan persepsi murid.
- ii. Mengetahui gaya pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru sejarah berdasarkan persepsi murid.
- iii. Mengetahui perbezaan signifikan terhadap gaya pengajaran guru dalam pendidikan sejarah yang diminati murid berdasarkan jantina.

## Tinjauan Literatur

Banyak kajian yang dilakukan berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru yang terbaik di dalam kelas seperti kaedah pengajaran konvensional, kaedah berteraskan teknologi maklumat dan kaedah penceritaan. Kajian Ibrahim dan Ariffin (2019) yang bertajuk *Application of Kahoot as a Testing Tool to Student Achievement in History Subjects* menyatakan tentang penggunaan aplikasi Kahoot sebagai satu bahan pengujian untuk mengukur pencapaian pelajar dalam subjek Sejarah. Penggunaan Aplikasi Kahoot merupakan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi. Peralatan seperti komputer riba digunakan untuk sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas. Hasil daripada kajian ini menunjukkan pencapaian dari segi aspek sikap murid. Murid menjadi lebih seronok ketika proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Peningkatan yang positif dari segi aspek minat dan motivasi dapat dilihat dengan penggunaan teknologi di mana murid tidak tertekan dan tidak merasakan bahawa mereka sedang diuji seperti mana kaedah pengujian secara konvensional.

Kajian Lezah (2018) yang bertajuk *Kaedah Pengajaran Sejarah yang Diminati Pelajar dan Justifikasinya* menyatakan tentang minat pelajar dalam mempelajari subjek sejarah dapat dirangsang dengan kaedah pengajaran yang menarik. Kajian ini membincangkan tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diminati oleh murid. Hasil dapatan kajian mendapati Kaedah Perbahasan, Pembentangan, soal jawab dan *Gallery Walk* lebih disukai kerana kaedah yang digunakan berpusatkan murid berbanding dengan guru. Guru hanya bertindak sebagai pembimbing sahaja dan murid boleh melibatkan diri secara aktif di dalam kelas. Kaedah yang berpusatkan murid menjadikan mereka lebih berdaya dan bermotivasi dalam menuntut ilmu di samping dapat menjamin kefahaman yang lebih meluas (Mohd. Anuar, 2015)

Kajian König dan Bernsen (2014) yang berjudul *Mobile Learning in History Education* menyatakan penggunaan teknologi sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam subjek Sejarah. Feierabend et al. (2013) telah melakukan tinjauan mengenai peralatan digital yang dimiliki oleh remaja yang berumur di antara 12 hingga 19 tahun. Hasil tinjauan ini menunjukkan hampir kesemua remaja tersebut mempunyai telefon bimbit. Peralatan tersebut sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan anak-anak muda khususnya di Jerman. Penggunaan telefon bimbit ataupun peranti mudah alih sebagai satu alat pembelajaran subjek sejarah dengan menukarkan semua lokasi kepada bahan pembelajaran. Kini guru-guru mengadaptasikan penggunaan teknologi digital dalam kelas kerana mereka telah mengetahui fungsi dan kesannya dalam pendidikan sebagai contoh penggunaan *Quick Response Code* (QR codes) sebagai cara untuk mengakses maklumat tambahan mengenai sejarah objek ataupun tempat bersejarah (Ifenthaler & Schweinberz, 2013). Contoh yang lain pula ialah penggunaan telefon pintar dalam pendidikan sejarah dengan mengambil gambar, video, serta rakaman suara untuk menganalisis tempat bersejarah. Penggunaan teknologi peranti mudah alih dapat meningkatkan perkembangan proses empati sejarah dan memudahkan aktiviti dalam pemikiran sejarah serta proses pembelajaran dalam dan luar kelas. König dan Bernsen (2014) juga menyatakan potensi teknologi peranti mudah alih dalam proses pembelajaran seperti pengaksesan maklumat daripada internet mengenai sumber sejarah.

Kajian oleh Kivunja (2014) menyatakan penggunaan aplikasi komputer sebagai bahan bantu mengajar dapat meningkatkan keseronokan dalam aktiviti pembelajaran. Pernyataan ini disokong oleh Bennett, Agostinho dan Lockyer (2015). Penggunaan teknologi sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran dapat menarik minat murid untuk terus belajar. Oleh itu, implikasi ICT dalam bidang pengajaran dan pembelajaran dapat memberikan kesan yang positif dari segi sikap serta minat murid. Malah guru juga dapat membimbing pelajar dengan lebih mudah melalui penggunaan ICT. Interaksi dua hala juga dapat membentuk interaksi dua hala antara guru dan murid (Mahanom & Rohaida, 2008). Penggunaan multimedia sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran membuktikan bahawa teknologi dapat meningkatkan motivasi dan minat dalam diri murid serta memberikan perasaan yang menyeronokkan dalam pembelajaran (Nur Syazwani et al., 2019).

Maarof et al. (2020) menyatakan tentang penggunaan ITRACK dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Penggunaan ITRACK ini merupakan kaedah interaktif yang sejajar dengan keperluan pembelajaran abad ke-21. Kaedah ini berdasarkan sebuah permainan *Snack and Ladder* diguna dengan menyusun kronologi Sejarah serta gambar sebagai satu stimulus untuk murid mengingat maklumat yang telah diperolehi dalam kelas. Penerimaan murid terhadap kaedah ini ialah untuk meningkatkan minat serta motivasi murid tidak kira lelaki atau perempuan ketika proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung di dalam kelas. Kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan permainan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Theodoropoulos et al. (2017) menyatakan permainan digital yang digunakan sebagai satu proses pembelajaran yang berkesan dan dapat meningkatkan motivasi pelajar.

Kaviza (2020) menyatakan bahawa aktiviti pembelajaran yang berasaskan dokumen menunjukkan penerimaan pada tahap yang tinggi di samping murid lelaki berbanding dengan perempuan. Hal ini bermakna proses pembelajaran murid lelaki dari aspek kecerdasan emosi lebih tinggi daripada perempuan dan disokong oleh kajian daripada Sharifah et al. (2010) yang melaporkan terdapat perbezaan dari segi penerimaan terhadap proses pembelajaran dan pengajaran antara murid lelaki dan perempuan. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Zalizan et al. (2005) berkenaan dengan prestasi akademik mengikut jantina mengatakan bahawa faktor yang menyumbang kepada perbezaan akademik ini ialah gaya pembelajaran yang berbentuk *concrete sequential* dimana lelaki lebih mengambil berat mengenai tugas yang diberikan, cara kerja yang teratur dan mengikuti arahan yang teliti berbanding dengan perempuan yang lebih kepada *abstract sequential*. *Abstract sequential* bermakna pelajar perempuan lebih kepada teori, hipotesis, cara penganalisan, akademik dan lebih berdisiplin. Oleh itu, terdapat perbezaan antara penerimaan pelajar lelaki dan perempuan dalam mana-mana subjek sekali pun.

Oleh itu, penggunaan teknologi merupakan satu cara dan kaedah yang sesuai dalam bidang pengajaran sejarah dengan menerapkan pendekatan secara konstruktivis. Kesimpulannya, berdasarkan kajian-kajian lepas, cara pengajaran guru memberikan peranan yang penting dalam mengkaji sikap dan minat murid terhadap pembelajaran sejarah. Tambahan pula, kaedah pengajaran dan pembelajaran sejarah yang betul dapat meningkatkan semangat dan motivasi murid di samping dapat memupuk semangat cintakan negara.

## Metod Kajian

Populasi kajian adalah seramai 130 orang pelajar tingkatan satu hingga tingkatan enam dari lima buah sekolah yang terletak di daerah Kuantan. Pemilihan daerah Kuantan sebagai lokasi kajian kerana daerah ini mempunyai jumlah sekolah menengah yang paling banyak berbanding daerah yang lain. Oleh itu, jumlah responden yang dipilih melibatkan 5 buah sekolah menengah daripada 46 buah sekolah menengah yang ada di Kuantan (Panduan Pengurusan Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan, 2018). Lima buah sekolah ini dipilih kerana mereka memiliki ciri-ciri yang sama dari segi budaya dan suasana pembelajaran. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan 100 orang pelajar yang dipilih secara rawak berkadaran. Saiz sampel ditentukan berdasarkan Jadual Krejcie & Morgan (1970).

Jadual 1: Interpretasi skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana Rendah
3.01- 4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Sumber : Nunnaly dan Bernstein (1994)

Soalan soal selidik dibina melalui aplikasi *Google Form*. Kajian ini menggunakan Skala Lima Mata sebagai pengukuran item. Skala 1 menunjukkan “Sangat Tidak Setuju” sehingga Skala 5 “Sangat Setuju”. *Google Form* yang digunakan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A menunjukkan demografi pelajar (4 item), bahagian B (5 item) iaitu konstruk kaedah pengajaran dan pembelajaran guru yang diminati pelajar dan bahagian C (6 item) sebagai konstruk gaya pengajaran dan pembelajaran guru terhadap minat pelajar. Jadual di bawah menunjukkan adaptasi konstruk untuk membina soalan soal selidik untuk kajian ini

Jadual 2 : Adaptasi Konstruk Item

Pemboleh ubah	Jumlah item	Adaptasi Sumber
Kaedah PnP guru	5	Nur Syazwani (2019)
Minat murid dan gaya penyampaian guru	6	Rohaimi & Ramlah (2015)

Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis dilakukan dahulu untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan. Kajian rintis ini dilakukan pada akhir bulan Oktober hingga November dengan mengedarkan soal selidik dalam aplikasi *Google Form*. Jumlah responden ialah seramai 50 orang pelajar sekolah menengah yang terdiri daripada tingkatan satu hingga enam. Konstruk item kajian diadaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh Nur Syazwani (2019) serta Rohaimi dan Ramlah (2015). Kesahan konstruk dilakukan dengan tiga orang pakar dalam bidang penulisan akademik dan salah seorang daripada mereka merupakan pensyarah sambilan di Universiti Malaysia Pahang dan bertugas sebagai guru penolong kanan pentadbiran di sebuah sekolah rendah agama di Kuantan dan dua lagi merupakan guru sejarah yang berpengalaman selama lapan tahun dalam bidang sejarah. Hasil daripada komen yang diberikan oleh pakar berkenaan dengan konstruk item tersebut, terdapat item yang perlu dimurnikan dari segi penggunaan ayat dan istilah. Selepas di teliti, kesemua item tersebut diterima. Pengkaji menggunakan peratusan berdasarkan Sahandri et al. (2013), kesahan item yang ditentukan sekurang-kurangnya 80% dan item yang kurang 60% akan disingkirkan. Julat penerimaan item ialah di antara 60% hingga 80% menyatakan bahawa item tersebut diterima.

Jadual 3: Analisis Kesahan Kandungan Item

Pakar Penilai	Tahap kesahan Kandungan (%)	Pandangan pakar
Pakar 1 (Pensyarah UMP)	90%	Diterima
Pakar 2 (Guru sejarah)	81%	Diterima
Pakar 3 (Guru sejarah)	90%	Diterima

Nilai keseluruhan skor kesahan yang diperolehi ialah 0.54. Menurut teori yang dikemukakan oleh Abu Bakar (1987) dan Nunnaly (1967), nilai pekali korelasi minimum yang diterima ialah 0.30. Nunnaly dan Bernstein (1994) pula menyatakan nilai korelasi item yang diperolehi melebihi 0.25 dianggap sebagai tinggi. Untuk tahap kebolehpercayaan pula, nilai *Cronbach Alpha* yang diperolehi untuk keseluruhan konstruk item ialah 0.714. Menurut Yosuf (2004), julat yang hampir dengan 1.00. maka tahap kebolehpercayaan adalah berada di tahap yang baik dan jika julat yang menghampiri dengan nilai 0.00, maka tahap kebolehpercayaan ini adalah tidak baik. Untuk menyokong pernyataan ini, Bond dan Fox (2015) telah menetapkan satu julat skor *Cronbach Alpha* iaitu 0.6-1.0 merupakan tahap kepercayaan yang baik.

Maklumat data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Version 22.0 (*Statistical For Social Science*). Analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai, analisis frekuensi untuk mendapatkan nilai frekuensi dan peratusan. Bagi analisis infrensi pula, Ujian T Bebas digunakan untuk mengenal pasti perbezaan aspek sikap dan minat murid terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran guru berdasarkan jantina.

## Dapatan Kajian

### *Profil Responden*

Berikut merupakan latar belakang demografi responden. Dapatan menunjukkan jumlah responden terdiri daripada 40 orang lelaki (39.2%) dan 60 orang perempuan (58.8%). Responden yang dianalisis ini terdiri daripada 86 orang berbangsa Melayu (84.3%), 9 orang berbangsa Cina (8.8%) dan 5 orang berbangsa India (4.9%)

Seterusnya dapatan demografi juga mendapati seramai 88 orang beragama Islam (86.3%), 2 orang beragama Kristian (2%), 5 orang beragama Hindu (4.9%) dan 5 orang beragama Buddha (4.9%). Terakhir sekali ialah dapatan tingkatan. Jumlah responden tingkatan satu ialah seramai 13 orang (12.7%), tingkatan dua seramai 31 orang (30.4%), tingkatan 3 seramai 27 orang (27%), tingkatan empat seramai 25 orang (24.5%), tingkatan lima seramai 3 orang (2.9%) dan tingkatan enam seramai 1 orang (1%).

### *Pengajaran dan Pembelajaran yang digunakan oleh Guru Sejarah berdasarkan Persepsi Murid*

Jadual 4 menunjukkan dapatan bagi objektif yang pertama. Berdasarkan data yang telah diperoleh, analisis kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru berdasarkan persepsi murid. Dapatan ini ialah untuk mengenal pasti apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran berdasarkan persepsi murid. Hasil menunjukkan nilai min untuk objektif pertama berada pada tahap sederhana tinggi (Min = 3.50, Sisihan Piawai = 1.150). Nilai interpretasi skor boleh dilihat pada Jadual 1.

Jadual 4: Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru sejarah

Item	STS		TS		TP		S		SS	
	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)
<b>B1)</b> Guru sejarah saya menggunakan buku teks sejarah ketika mengajar dalam kelas	3	2.9	4	3.9	18	17.6	42	41.2	33	32.4
<b>B2)</b> Guru sejarah saya menggunakan bahan bantu mengajar seperti Microsoft Powerpoint, gambar atau imej, carta alir dan peralatan komputer dan projektor ketika mengajar subjek sejarah	9	8.8	8	8.8	19	18.6	41	40.2	22	21.6
<b>B3)</b> Guru sejarah saya menggunakan animasi, animasi bercetak (Komik), drama, dan filem ketika mengajar subjek sejarah	18	17.6	12	11.8	24	23.5	23	22.5	23	22.5
<b>B4)</b> Guru sejarah saya menekankan perbincangan	7	6.9	12	11.8	31	30.4	37	36.3	13	12.7

antara pelajar ketika kelas sejarah sedang berlangsung dan guru hanya bertindak sebagai pemantau sahaja											
<b>B5) Guru sejarah saya lebih banyak menekankan penggunaan aplikasi-aplikasi pembelajaran bagi meningkatkan lagi pemahaman pelajar dalam kelas sejarah</b>	8	7.8	8	7.8	36	35.3	33	32.4	15	14.7	
Skor Min	3.50										
Sisihan Piawai	1.150										
Tahap	Sederhana										
	Tinggi										

Data kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 4 menggambarkan nilai frekuensi dan peratus persetujuan responden banyak cenderung kepada skala Setuju dan Sangat Setuju. Dapatan mendapati Pernyataan item B1 “Guru Sejarah saya menggunakan buku teks sejarah ketika mengajar dalam kelas” mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 73.6 peratus ( $S= 41.2$  peratus dan  $SS=38.7$  peratus) manakala item B3 “Guru Sejarah saya menggunakan animasi, animasi bercetak (Komik), drama dan filem ketika mengajar subjek sejarah” memperoleh peratusan terendah iaitu 45 peratus ( $S= 22.5$  peratus dan  $SS= 22.5$  peratus)

Dapatan B1 ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Rohaimi dan Ramlah (2015) di mana penggunaan buku teks sejarah sangat berguna ketika proses pengajaran dan pembelajaran sejarah sedang berlaku dalam kelas dengan peratusan yang tinggi iaitu 85.1%. Untuk dapatan B3 yang mendapat peratusan yang rendah, dapatan ini disokong kajian yang dilakukan oleh Abdullah (2016) masalah guru yang kurang kompeten dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah dan guru masih lagi menggunakan pendekatan yang konvensional kerana sudah terbiasa dengan kaedah lama (Ahmad & Nasri, 2018)

### ***Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Guru terhadap Minat Murid Belajar Sejarah***

Berikut merupakan dapatan untuk gaya pengajaran dan pembelajaran guru dalam pendidikan Sejarah yang diminati oleh murid. Dapatan ini ialah untuk mengenal pasti apakah gaya pengajaran dan pembelajaran guru yang paling diminati oleh murid. Hasil menunjukkan nilai min untuk objektif kedua berada pada tahap yang tinggi (Min = 4.14, Sisihan Piawai = 0.960)

Berdasarkan Jadual 5 di bawah, Pernyataan item C6 iaitu “Guru Sejarah saya memberikan latihan Sejarah yang sesuai dengan tahap dan kebolehan saya” mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 87.3 peratus ( $S= 49.0$  peratus dan  $SS= 39.2$  peratus) manakala item C1 iaitu “saya sangat seronok apabila guru menggunakan teknologi media dan komunikasi ketika mengajar subjek Sejarah” dan item C2 iaitu “penampilan guru yang menarik dapat menarik minat saya dalam mempelajari subjek Sejarah” mencatatkan peratus yang terendah iaitu 73.5 peratus. Kedua-dua item mempunyai nilai peratusan yang sama. Untuk item C1 ( $S= 38.2$  peratus dan  $SS= 35.3$  peratus) dan item C2 pula ( $S= 39.2$  peratus dan  $SS=34.3$  peratus).

Dapatan C6 selari dengan kajian yang dilakukan oleh Bloom (1956) dengan tahap soalan yang diberikan adalah berdasarkan taksonomi Bloom. Terdapat murid yang mempunyai tahap pemahaman yang rendah dan ada dalam kalangan mereka yang memiliki tahap yang tinggi. Oleh itu, guru mesti memainkan peranan dalam mendidik para pelajar dengan mengenai pasti tahap kemahiran murid berdasarkan Taksonomi Bloom dengan menyusun soalan berkaitan dengan tahap pemahaman pelajar (Fatmayanis, 2016).



Jadual 5 : Gaya pengajaran dan pembelajaran guru

Item	STS		TS		TP		S		SS	
	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)	No	(%)
<b>C1)</b> Saya sangat seronok apabila guru menggunakan teknologi media dan komunikasi ketika mengajar subjek sejarah	3	2.9	4	3.9	18	17.6	39	38.2	36	35.3
<b>C2)</b> Penampilan guru yang menarik dapat menarik minat saya dalam mempelajari subjek sejarah	5	4.9	4	3.9	16	15.7	40	39.2	35	34.3
<b>C3)</b> Cara dan kaedah guru yang kreatif ketika mengajar subjek sejarah meningkatkan lagi keseronokan saya dalam belajar subjek sejarah	9	8.8	1	1.0	6	5.9	34	33.3	50	49.0
<b>C4)</b> Guru sejarah mengambil berat apabila saya menghadapi masalah dalam menyelesaikan soalan-soalan latihan sejarah	3	2.9	2	2.0	8	7.8	49	48.0	38	37.3
<b>C5)</b> Guru sejarah melayani saya dengan baik ketika kelas sejarah sedang berlangsung	1	1.0	2	2.0	9	8.8	41	40.2	47	46.1
<b>C6)</b> Guru sejarah saya memberikan latihan sejarah yang sesuai dengan tahap dan kebolehan saya	2	2.0	2	2.0	7	6.9	50	49.0	39	38.2
Skor Min	4.14									
Sisihan Piawai	0.960									
Tahap	Tinggi									

Dapatan C1 mendapat peratusan yang rendah tetapi lebih menjurus kepada setuju dan sangat setuju. Murid menjadi lebih seronok apabila guru menggunakan teknologi media dan komunikasi sebagai bahan bantu mengajar. Dapatan ini selari dengan Tan dan Carol (2013) bahawa pengaplikasian teknologi seperti Youtube dapat menarik minat dan meningkatkan kefahaman pelajar dalam pendidikan sejarah dan dapatan ini selaras dengan kajian Jamalludin dan Zaidatun (2003) menyatakan elemen multimedia dapat memberikan kefahaman pelajar dalam subjek sejarah dan disokong oleh Papastergiou (2009) aplikasi interaktif dapat meningkatkan pencapaian dan motivasi mereka dalam sesebuah subjek.

Dapatan C2 juga mendapat peratusan yang rendah tetapi lebih menjurus kepada setuju dan sangat setuju. Penampilan yang menarik dapat menarik minat pelajar dalam mempelajari subjek sejarah. Penampilan di sini bukan bermaksud dari segi pemakaian sahaja tetapi dari segi tutur kata, sifat fizikal dan spiritual. Dapatan ini selaras dengan pernyataan yang dinyatakan oleh Abdullah (1995), perwatakan yang menarik mampu mempengaruhi murid ke arah yang lebih baik. Personaliti yang unggul dapat membentuk sahsiah diri murid dan dapat memindahkan ilmu pengetahuan kepada murid supaya dapat diaplikasikan dalam kehidupan mereka (Al-Nahlawy, 1983).

### **Hubungan antara Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Guru**

Jadual 6 menunjukkan hasil analisis ujian T tidak bersandar untuk menentukan perbezaan signifikan antara gaya pengajaran dan pembelajaran guru dalam pendidikan sejarah yang diminati murid berdasarkan jantina. Dapatan mendapat nilai t bagi perbandingan antara murid lelaki dan perempuan

ialah  $t=-3.050$  dan tahap signifikan  $p=0.003$ . Tahap signifikan ini lebih kecil daripada 0.05 ( $0.003 < 0.05$ ). Oleh itu, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap gaya pengajaran dan pembelajaran guru dalam pendidikan sejarah yang diminati oleh murid antara murid lelaki dan perempuan.

Jadual 6: Hubungan antara gaya pengajaran dan pembelajaran guru

Kumpulan	Bil	Min	Sisihan Piawai	T-test for equality of means		
				T	df	Sig.(2-Tailed)
Lelaki	40	23.65	3.669	-3.050	98	0.003
Perempuan	60	25.60	2.720			

\*\*Tidak signifikan pada nilai  $p < 0.05$

## Kesimpulan

Berdasarkan kajian ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru serta gaya pengajaran memberikan pelbagai kesan dan impak kepada para murid khususnya dalam subjek Sejarah. Kaedah yang kreatif mampu memberikan hasil yang terbaik kepada tahap pencapaian dan juga perubahan sifat seperti minat dalam diri murid. Guru perlu memainkan peranan yang besar kepada pelajar supaya kecemerlangan dapat diberikan kepada murid supaya mereka lebih bersemangat dan berdisiplin dalam menuntut ilmu.

Berdasarkan dapatan kajian, kaedah yang digunakan perlu selari dengan keadaan masa. Tidak salah untuk menggunakan kaedah tradisional berdasarkan buku teks tetapi ia perlu diselarikan dengan kaedah yang lain supaya murid lebih menumpukan perhatian kepada apa yang diajarkan di dalam kelas. Kekreatifan perlu ada dalam diri guru supaya keseronokan dalam menuntut ilmu dapat dirasai oleh para murid. Selain itu juga, gaya penyampaian juga adalah sangat penting dalam meningkatkan minat murid. Penampilan dan perwatakan guru perlu diambil kira sebagai satu faktor kepada peningkatan pemahaman murid dalam subjek Sejarah. Guru juga perlu mengetahui keadaan murid dalam kelas supaya kaedah pengajaran yang sesuai dapat digunakan dalam kelas. Oleh itu, pada masa yang akan datang, kajian yang lebih mendalam dapat dilakukan untuk meningkatkan lagi minat murid dalam subjek Sejarah dan idea mengenai kaedah dan gaya dapat ditambah baik supaya subjek Sejarah akan menjadi lebih menarik dan tidak membosankan.

## Rujukan

- Abdullah, M. F. N. L., & Wei, L. T. (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penilaian sendiri pembelajaran geometri tingkatan satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 14(1), 211-265.
- Abu Bakar Nordin. 1986. *Asas penilaian pendidikan*. Siri Maktab Perguruan. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Ahmad, Anuar & Atiqah, Nur. (2010). Sejarah Dan Asas Pendidikan Di Malaysia:Perlaksanaan 3r..
- Alfian, M. (2011). Pendidikan Sejarah Dan Permasalahan Yang Dihadapi. *Khazanah Pendidikan*, 3(2).
- Ariffin, A. H., & Ibharm, L. F. M. (2019). Aplikasi Kahoot Sebagai Alat Pengujian Terhadap Pencapaian Murid Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *International Journal of Education, Science, Technology, and Engineering*, 2(2), 90-96.
- Asbulah, L. H., Lubis, M. A., & Aladdin, A. (2018). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab: Analisis Menggunakan Model Rasch (Validity and Realibility of Arabic Collocation Learning Strategies Instrument: Analysis Using Rasch Model). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 43(1SI), 131-140.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying The Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences*. (Routledge & T. & F. Group, Eds.) (Third Edit). New York & London
- Dirk Ifenthaler and Volker Schweinben (2013)“The Acceptance of Tablet PCs in Classroom Instruction: The Teachers’ Perspectives,” *Computers in Human Behavior*, 20(3), 525–534.

- Fatmayanis, F. F. (2016). Kemampuan Guru-guru Sejarah Smk dalam Menyusun dan Menganalisis Soal. *Manajer Pendidikan*, 10(5).
- Fazida Ahmad & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2018). Tahap kompetensi pengetahuan guru sejarah dalam melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *International Conference on Global Education VI (ICGE VI)*. 1:338-346
- Ishak, R. & Jantan, R. (2015) Tinjauan Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)* ISSN 2289-3180/Vol.4/2015
- Jaafar, S. A. (2017). Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah-Sekolah Di Malaysia, 1957-1989. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 25(2).
- Jelas, Zalizan & Rahman, Saemah & Baki, Roselan & Ahmad, Jamil. (2005). Prestasi Akademik Mengikut Gender.
- Kamisan, S. N. (2008). *Halangan terhadap penggunaan komputer dan ICT di dalam pengajaran dan pembelajaran (P & P) di kalangan guru di Sekolah Menengah Kebangsaan luar bandar di Daerah Kulai Jaya, Johor* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Kaviza, M. (2019). Kecenderungan Gaya Pembelajaran Murid Dalam Mata Pelajaran Sejarah: Satu Kajian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(1), 82-90.
- Kaviza, M. (2020). Persepsi Penerimaan Murid Terhadap Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Dokumen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 79-86.
- König, A., & Bernsen, D. (2014). Mobile learning in history education. *Journal of Educational Media, Memory, and Society*, 6(1), 107-123.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Maarof, N. H., Apfandi, N., Joli, N. S., & Yusof, R. (2020). Itrack Dalam Pdp Sejarah: Tinjauan Terhadap Motivasi Pelajar. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1), 83-97.
- Nunnally, J.C. (1978) *Psychometric theory*. 2nd Edition, McGraw-Hill, New York
- Ramlah Jantan., Shahabuddin Hashim dan Mahani Razali .(2003). *Psikologi Pendidikan*. Bentong: PTS Publication and Distribution
- Rohaimi Ishak, Ramlah Jantan (2015) Tinjauan Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Sejarah Sekolah Rendah. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)* ISSN 2289-3180/Vol 4/2015
- Samsudin, M., & Shaharuddin, S. (2020). Pendidikan dan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah di Sekolah di Malaysia (The Learning and Teaching of History In Malaysian Schools). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 39(2).
- Talib, N. S. A., Awang, M. M., Ghani, K. A., & Yusuff, N. A. (2019). Penggunaan Multimedia Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(2), 86-98.
- Talib, N. S. A., Ghani, K. A., Yusuff, N. A., & Awang, M. M. (2016). Kaedah pembelajaran sejarah dengan mengambil kira minat dan peningkatan prestasi.
- Talin, R. (2018). Kaedah Pengajaran Sejarah yang Diminati Pelajar dan Justifikasinya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(2), 137-145.
- Yunus, F. A. N., Suki, N. A., Abd Baser, J., Masran, S. H., Marian, M. F., & Rahim, M. B. (2017). Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kompetensi pengajar TVET terhadap pengajaran teknikal berdasarkan pendekatan model Rasch. *Online Journal for TVET Practitioners*, 2(2).